



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MALAYSIA TEGASKAN KOMITMEN KOLEKTIF SERANTAU MENANGANI RISIKO PENCEMARAN JEREBU MERENTAS SEMPADAN

Malaysia menerusi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menegaskan komitmen utuh dan berterusan terhadap aspirasi bersama untuk mencapai rantau ASEAN Bebas Jerebu menjelang tahun 2030, menerusi pelaksanaan efektif Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution - AATHP*).

Pendirian ini telah saya sampaikan menerusi utusan rasmi kepada Setiausaha Agung ASEAN, TYT Dr. Kao Kim Hourn pada 21 Ogos 2026.

Pemantauan rapi pihak Kementerian terhadap perkembangan meteorologi semasa mendapati cuaca kering yang berterusan di kawasan selatan rantau ASEAN telah mengakibatkan peningkatan aktiviti titik panas dan jerebu. Keadaan ini berisiko menjadi lebih meluas berikutan fenomena El Niño yang dijangka akan beransur menguat dalam tempoh beberapa bulan akan datang. Walaupun kejadian kebakaran buat masa ini masih terkawal–dalam sempadan Negara Anggota ASEAN masing-masing, risiko jerebu merentas sempadan menuntut kesiapsiagaan kolektif serta kewaspadaan tinggi di peringkat serantau.

Pencemaran jerebu merentas sempadan akibat kebakaran tanah dan hutan perlu ditangani secara kolektif menerusi tindakan pencegahan, kesiapsiagaan nasional dan pemantauan berterusan berteraskan prinsip Perjanjian AATHP. Pelaksanaan intervensi awal, pertukaran maklumat secara tepat serta koordinasi serantau yang erat merupakan elemen asas dalam menangani isu jerebu secara berkesan.

NRES menekankan bahawa langkah pencegahan kekal sebagai pendekatan paling berkesan dalam melindungi rantau ini daripada impak buruk jerebu. Sehubungan itu, semua Negara Anggota ASEAN digesa untuk meningkatkan kawalan dan kesiapsiagaan dengan mengekalkan pemantauan rapi di kawasan berisiko tinggi, mempertingkatkan pengawasan titik panas, memperkasakan penguatkuasaan terhadap pematuhan larangan pembakaran terbuka serta memastikan kesiapsiagaan operasi pemadaman kebakaran yang efisien bagi mengelakkan insiden melarat.

Di samping itu, Malaysia mengalu-alukan peranan proaktif Sekretariat ASEAN selaku Pusat Koordinasi ASEAN Sementara bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*Interim ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control - ACC THPC*) dalam memudah cara penyebaran maklumat, menyelaraskan

langkah kesiapsiagaan antara Negara Anggota serta memperkuat mekanisme kerjasama di bawah AATHP.

Malaysia yakin bahawa komitmen padu dan tindakan proaktif seluruh Negara Anggota ASEAN akan memperkasa ketahanan serantau dalam mendepani cabaran iklim, seterusnya memelihara alam sekitar yang mampan, sejahtera dan bebas jerebu demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
22 OGOS 2026

